

Kerjasama atasi jenayah dipertingkatkan

PUTRAJAYA, 11 OKTOBER 2002

PUTRAJAYA, Selasa Malaysia, Indonesia dan Filipina bersejua meningkatkan lagi kerjasama memerangi jenayah dan keganasan rentas sempadan, termasuk pencerobohan pendatang asing.

Perjanjian kerjasama itu yang ditandatangani hari ini, juga merangkumi pertukaran maklumat dan prosedur komutikasi bagi membendung kegiatan pembersihan wang haram, penyeludupan wanita dan kanak-kanak serta dadah, lanun dan kecurian sumber laut serta pencemaran laut.

Perjanjian itu ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Luar Indonesia, Hassan Wirajuda serta Setiausaha Dalam

Negeri dan Kerajaan Tempatan Filipina, Jose D Lina Jr di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Majlis itu turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, yang tiba di sini untuk lawatan sehari bagi menghadiri Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Ekonomi Pembangunan Pasifik ke-35 (PRFC).

Sebelum majlis menandatangani perjanjian itu, Dr Mahathir dan Arroyo mengadakan pertemuan "empat mata" di pejabat Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri Wakal dan Hal Ehwal Islam di Kuala Lumpur sebe-

lum itu, Dr Mahathir berkata perjanjian itu akan membawa banyak faedah.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pihak berkuasa yang terbabit dapat bertukar maklumat mengenai pergerakan dan kegiatan anasir militan.

"Sepaimana yang kita tahu mereka mempunyai idea untuk menubuhkan apa yang mereka sifatkan sebagai negara Islam tunggal merangkumi Malaysia, Indonesia dan Filipina.

"Tetapi saya tidak tahu apa yang dirangsang dengan negara Islam mereka itu kerana saya tidak nampak mereka buat apa pun. (Tetapi) mereka banyak melakukan kerosakan terhadap orang ramai, melakukan banyak set-again keganasan dan

perkara seperti itu," katanya.

Syed Hamid pada sidang akhbarnya pula berkata, jawatankuasa bersama di peringkat pegawai akan ditubuhkan bagi menangani secara langsung dan berterusan isu yang melibatkan aktiviti jenayah merentasi sempadan.

"Jawatankuasa ini akan mengenal pasti risiko bidang kerjasama yang diperlukan di perairan kita dan di sempadan bagi menjamin keselamatan kaulan rakyat ketiga-tiga negara ketika melakukan perjalanan antara negara," katanya.

Syed Hamid berkata, perjanjian berkenaan tidak terhad kepada ketiga-tiga negara tetapi

Lihat Muka 2

Tiada bukti keganasan berpusat di Asean

DARI MUKA 1

terbuka kepada mana-mana negara Asean yang berminat untuk menyertainya.

"Kita sudah dapat tanda-tanda ada negara Asean lain yang ingin turut serta dan kita tidak ada masalah," katanya.

Ditanya sama ada perjanjian itu diadakan bagi menolak dakwaan pihak tertentu bahawa ketiga-tiga negara itu adalah pusat keganasan, Syed Hamid berkata tidak pernah ada bukti yang menunjukkan keganasan berpusat di rantau ini.

Bagaimanapun, katanya, perjanjian itu akan menunjukkan kepada dunia luar bahawa ketiga-tiga negara berkenaan ber-sungguh-sungguh dalam

menangani isu jenayah merentasi sempadan bagi menjamin keselamatan di rantau ini.

Mengulas pertemuan antara Dr Mahathir dan Arroyo sebelum itu, Syed Hamid berkata pertemuan itu bertujuan membincangkan hubungan dua hala.

"Arroyo berpuas hati dengan perbincangan betinau dan Dr Mahathir," katanya.

Wisma Putra dalam satu kenyataan menjelaskan perjanjian pertukaran maklumat dan pembentukan prosedur komunikasi itu bertujuan mewujudkan kerjasama lebih rapat dan intensif untuk memerangi keganasan, kegiatan haram dan jenayah rentas sempadan.

Menerusi perjanjian itu,

satu rangka kerja akan dibentuk bagi memudahkan kerjasama dan operasi di kalangan negara anggota untuk menangani masalah di sempadan masing-masing.

"Justeru, satu jawatankuasa bersama akan dibentuk bagi menentukan keperluan operasi dan pentadbiran berkaitan pertukaran maklumat dan pembentukan prosedur komunikasi.

"Perjanjian itu adalah satu lagi usaha yang dilaksanakan sebagai pelengkap kepada mekanisme yang dilakukan Asean untuk memerangi keganasan dan jenayah rentas sempadan," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Hassan berkata, perjanjian berkenaan akan metingkatkan

lagi kerjasama serantau memerangi keganasan dan jenayah lain yang sudah wujud sebetum ini.

"Ini adalah permulaan baik yang kita takukan bersama dengan membentuk komitmen untuk memerangi keganasan. Walaupun sudah ada kerjasama, tetapi kali ini kita satukan di bawah satu payung.

Diminta mengulas ada pihak mendakwa kononnya Indonesia tidak melakukan usaha secukupnya untuk memerangi keganasan, Hassan berkata, pihak berkenaan berhak menyatakan demikian.

Bagaimanapun, tegasnya, Indonesia melakukan yang terbaik mengikut cara dan sistem tersendiri untuk memerangi keganasan.